

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

<FLYER 1>

Hospital adalah institusi yang penting semasa kecemasan dan bencana.

Hospital adalah satu keperluan utama :

- Hospital adalah tempat di mana pesakit menerima rawatan perubatan, pembedahan, obstetrik atau psikologi yang diperlukan.
- Hospital adalah tempat di mana masyarakat mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan penting seperti tabung darah, farmasi, makmal diagnostik, perkhidmatan penjagaan kritikal dan kemudahan rehabilitasi.

Hospital adalah satu pelaburan ekonomi dan sosial yang penting.

- Hospital adalah pelaburan demi kesihatan dan kesejahteraan masyarakat
- Hospital merupakan jaminan kepada keselamatan dan kesejahteraan masyarakat
- Hospital merupakan simbol kemajuan dan pembangunan sosial.

Hospital adalah keperluan harian masyarakat dan menjadi lebih penting semasa bencana.

- Dalam kecemasan atau bencana, mangsa yang cedera dibawa ke hospital dengan harapan mereka akan diberikan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang terbaik.
- Apabila hospital dan lain-lain kemudahan kesihatan gagal menyampaikan perkhidmatan di saat kecemasan/bencana, kita menghadapi tragedi kemanusiaan.
 - Hospital dan kemudahan kesihatan musnah
 - Mangsa bencana tidak menerima penjagaan dan perkhidmatan kesihatan dengan segera.
 - Pesakit hospital tidak mempunyai tempat perlindungan
 - Anggota kesihatan juga menghadapi ancaman ke atas keselamatan diri mereka
 - Operasi harian hospital terpaksa dijalankan dengan infrastruktur dan sistem sokongan yang serba kekurangan.

Jadikan hospital selamat daripada bencana dan kecemasan.

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

<FLYER 2>

Jadikan hospital selamat, responsif, mampu berfungsi dan kukuh.

SELAMAT

- Hospital yang selamat adalah kuat strukturnya dan tidak akan runtuh semasa bencana, mahupun mencederakan pesakit dan anggotanya.

MAMPU BERFUNGSI

- Hospital mestilah mampu menjalankan fungsi menyediakan perkhidmatan sebagai kemudahan komuniti yang kritikal apabila diperlukan semasa dan selepas bencana.

KUKUH/UTUH

- Hospital yang utuh adalah bersistematik, lengkap dengan pelan kesiapsiagaan dan mempunyai anggota yang terlatih bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dalam apa jua keadaan.

Hospital mesti selamat, mampu terus berfungsi dan utuh semasa bencana. Kegagalan boleh mengakibatkan kerugian yang amat besar.

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

<FLYER 3>

Mengapa hospital mesti selamat daripada bencana

Alasan kesihatan, sosial dan ekonomi

Hospital boleh rosak dan musnah semasa bencana atau kecemasan yang disebabkan oleh banjir, kebakaran, letusan gunung berapi, gempa bumi, ribut taufan, rusuhan dan peperangan.

Apabila hospital mengalami kerosakan atau musnah, nyawa manusia terancam dan juga boleh menyebabkan kematian.

- Mereka yang cedera parah tidak diberikan penjagaan yang diperlukan.
- Mereka yang sakit di hospital berada dalam keadaan yang berbahaya.
- Keselamatan anggota kesihatan turut terancam

Apabila hospital mengalami kerosakan atau musnah, keselamatan sosial dan kestabilan politik terjejas.

- Hospital terpaksa beroperasi dengan infrastruktur dan sistem sokongan yang serba kekurangan.
- Perkhidmatan kesihatan awam turut terjejas dan matlamat perkhidmatan sukar dicapai.
- Keyakinan masyarakat terhadap kualiti perkhidmatan goyah, dan mewujudkan perasaan kurang selamat dan menyebabkan ketidakpuasan politik.

Apabila hospital mengalami kerosakan atau musnah, berlaku kerugian wang ringgit dan memerlukan sumber yang baru.

- Struktur hospital yang runtuh memerlukan pembinaan semula.
- Peralatan dan bekalan hospital yang musnah dan hilang perlu diganti.

TAPI jika hospital dan kemudahan kesihatan BOLEH berfungsi dengan berkesan semasa bencana dan kecemasan,

- Nyawa boleh diselamatkan
- Masyarakat berasa kurang terancam
- Pelaburan ekonomi dapat dilindungi
- Masyarakat lebih mampu untuk pulih dari kebinasaan/kerosakan

Bertindak hari ini. Jadikan hospital selamat menghadapi kecemasan.

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

<FLYER 4>

Jadikan hospital selamat semasa kecemasan

Rancang dan lindungi kawasan hospital. Patuhi piawaian keselamatan dalam mereka bentuk dan membina bangunan hospital.

- Lokasi yang selamat, reka bentuk yang sesuai, pembinaan yang berkualiti dan penggunaan bahan pembinaan yang kukuh membolehkan hospital menghadapi ancaman bencana semula jadi.

Sokonglah hospital semasa kecemasan dan bencana.

- Kebanyakan hospital biasanya berfungsi di tahap kapasiti yang maksima, walaupun sebelum berlakunya bencana. Apabila bencana melanda, jumlah mangsa yang besar akan menggugat kestabilan sesebuah hospital.

Bantulah anggota kesihatan.

- Anggota kesihatan tidak mungkin mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada jumlah pesakit yang meningkat. Sukarelawan digalakkan membantu anggota kesihatan.

Hospital mesti mempunyai kemudahan asas sepanjang masa.

- Kemampuan hospital untuk berfungsi secara cekap bergantung kepada perkhidmatan asas seperti kuasa elektrik, talian komunikasi, bekalan air dan sanitasi, pengurusan sampah dan bahan buangan, yang boleh berfungsi dalam apa jua keadaan secara berterusan.

Hospital memerlukan sokongan masyarakat, sektor swasta, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan semasa kecemasan.

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

<FLYER 5>

Advokasi bagi memastikan hospital selamat semasa kecemasan.

Hospital BOLEH menjadi selamat, mampu berfungsi dan kukuh semasa kecemasan atau bencana. Berikut adalah contoh-contoh apa yang boleh anda lakukan sekarang, sebelum bencana menimpa:

<i>Membina hospital yang selamat</i>	<i>Hospital yang bertindak balas dan berfungsi</i>	<i>Mengekalkan hospital yang utuh</i>
Sekiranya anda bekerja di hospital		
<ul style="list-style-type: none"> • Bincangkan integriti struktur hospital sebagai sebahagian isu dalam isu keselamatan pekerjaan • Membuat tinjauan di tempat kerja dan membuat cadangan bagi memastikan keselamatan ciri-ciri yang bukan struktur bangunan seperti pemanas air atau bekas penyimpanan, peralatan mekanikal, rak dan kabinet. 	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dalam menyediakan pelan kesiapsiagaan kecemasan. • Semasa mesyuarat anggota, bincangkan tentang apa yang perlu pasukan anda lakukan semasa kecemasan atau bencana • Bincangkan kajian kesihatan melibatkan kecemasan dan bencana dalam program latihan anggota/pelatih 	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dalam latihan dan simulasi kesihatan semasa kecemasan • Memastikan semua anggota pasukan anda mempunyai kemahiran dalam teknik dan prosedur sokongan/bantuan hayat. • Meningkatkan penyelarasan di antara pasukan hospital/ bahagian yang lain.
Sekiranya anda adalah ahli pertubuhan bukan kerajaan atau agensi penderma		
<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan sebahagian sumbangan derma disalurkan ke arah memastikan hospital adalah kukuh dari segi struktur dan peralatan serta bekalan tidak musnah semasa bencana. • Kerahan bagi mewujudkan jawatankuasa pemantau bagi memastikan reka bentuk yang sesuai dan pembinaan yang berkualiti 	<ul style="list-style-type: none"> • Bincang dengan pentadbir hospital mengenai perkhidmatan sukarelawan semasa kecemasan bagi mengatasi masalah kekurangan anggota semasa kecemasan. • Mewujudkan sistem untuk memperoleh dan mengagihkan bekalan dan peralatan kecemasan yang didermakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi sebahagian daripada jalinan rangkaian perhubungan bagi persediaan dan tindak balas kecemasan • Jelaskan peranan organisasi anda dalam rangkaian perhubungan tersebut dan pastikan anda mampu memenuhi keperluan semasa diminta memberi bantuan. • Terlibat dalam latihan dan simulasi kesihatan semasa kecemasan
Sekiranya anda bertugas dengan media massa		
<ul style="list-style-type: none"> • Pantau projek pembinaan hospital yang sedang dilaksanakan bagi memastikan ianya memenuhi keperluan dan piawaian komuniti. • Rekodkan kemusnahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tanyakan kepada pentadbir hospital tentang langkah-langkah yang diambil bagi memastikan hospital adalah responsif dan mampu berfungsi semasa kecemasan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebarkan maklumat tentang pelan kesiapsiagaan bencana • Sebarkan maklumat mengenai amaran-amaran kesihatan • Bekerjasama dengan

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

hospital atau kemudahan kesihatan selepas sesuatu bencana dan bincangkan bagaimana ianya boleh diatasi di masa depan	<ul style="list-style-type: none">• Minta hospital melantik jurucakap agar media boleh mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini secara berkala	pentadbir hospital dalam menyediakan maklumat terkini mengenai keadaan kecemasan.
--	---	---

"Pastikan hospital dan fasiliti kesihatan selamat dan mampu menyelamatkan nyawa semasa krisis"

Apa yang pentadbir hospital dan penggubal polisi boleh lakukan bagi menjadikan hospital selamat semasa kecemasan

Semua pihak dalam sektor kesihatan perlu bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi mereka bagi memastikan kemudahan kesihatan adalah selamat dan mampu menyampaikan perkhidmatan kesihatan dengan berkesan semasa kecemasan.

Siapsiagakan hospital untuk menghadapi kecemasan

- Wujudkan jawatankuasa perancang pelan kecemasan di hospital. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan program kesiapsiagaan kecemasan yang menyeluruh.
- Menilai tahap keselamatan hospital, termasuk bahaya dalaman dan luaran, ancaman yang dihadapi oleh komuniti persekitaran dan infrastruktur yang disediakan.
- Sediakan pelan tindak balas kecemasan.
- Latih pekerja kesihatan mengenai kesiapsiagaan dan langkah-langkah menghadapi kecemasan. Jalankan latihan dan simulasi secara berkala.

Pastikan keselamatan lokasi, reka bentuk dan pembinaan hospital

- Pilih lokasi hospital yang tidak mendedahkannya kepada bahaya semula jadi, kimia dan sosial.
- Nilai keselamatan kemudahan yang sedia ada dengan mengkaji semula reka bentuk dan struktur binaan
- Buat penambahbaikan kepada struktur yang sedia ada.

Lindungi elemen-elemen hospital yang bukan struktur bangunan seperti ubat-ubatan, peralatan dan lain-lain kemudahan.

- Perolehi peralatan dan kemudahan penting bagi kegunaan kecemasan.
- Rancang penyimpanan stok ubat-ubatan dan bekalan lain .
- Pastikan stok ubat dan bekalan lain mencukupi untuk keadaan darurat dan kecemasan.

Bekerjasama bagi memastikan keselamatan, tindak balas, fungsi dan keutuhan hospital

- Bekerjasama dengan perancang bangunan, seni bina, jurutera dan institusi kewangan bagi pembinaan hospital baru yang utuh dan menilai tahap risiko hospital yang sedia ada.
- Wujudkan jalinan kerja antara penyedia kemudahan kesihatan, seperti pemberi perkhidmatan kecemasan, pihak berkuasa tempatan dan penyedia perkhidmatan kesihatan lain supaya mereka boleh membantu satu sama lain semasa kecemasan dan bencana.